



MAJLIS PERBANDARAN KUBANG PASU

06000 Jitra, Kedah Darul Aman

Tel : 9183300 / 9183317

KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

1. Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam Kod Bidang seperti yang dibawah dan masih sah laku bagi menyertai sebut harga berikut :

NOMBOR DAN TAJUK SEBUTHARGA	KOD BIDANG PENDAFTARAN	TARIKH DOKUMEN DIKELUARKAN	TARIKH TUTUP SEBUTHARGA	BAYARAN
Sebut Harga Perkhidmatan Perlindungan Insuran Nyawa Berkelompok (Group Term Life - GTL) dan Kemalangan Diri Berkelompok (Group Personal Accident-GPA) Untuk Majlis Perbandaran Kubang Pasu, Kedah Darul Aman Bagi Tempoh Satu (1) Tahun Mulai 01 Januari 2024 Hingga 31 Disember 2024 MPKP/SH(BP)/12/2023	Kementerian Kewangan 221801 (Syarikat Insuran (Perlu Lesen Bank Negara)) atau 221802 (Broker Insuran (Perlu Lesen Bank Negara))	Dijual mulai 03.12.2023 Sehingga 10.12.2023	11.12.2023 (Isnin) Jam : 12.00 Tengah Hari	Pendaftaran Pembekal : RM 200.00 Dokumen : RM 30.00
Sebut Harga Perkhidmatan Perlindungan Insuran Bangunan, Tanggungan Awam, Kecurian Dan Wang Majlis Perbandaran Kubang Pasu, Kedah Darul Aman Bagi Tempoh Satu (1) Tahun Mulai 01 Januari 2024 Hingga 31 Disember 2024 MPKP/SH(BP)/13/2023				

2. Dokumen sebut harga akan dijual dalam bentuk soft copy (e-mel). Untuk semakan kelayakan, pembekal perlu emelkan Salinan Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan, Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Borang [Pendaftaran Pembekal](#) dan Borang Permohonan Pembelian Dokumen (Sebut Harga/Tender) ke emel perolehanmpkubangpasu@gmail.com. [Resit pembelian dokumen sebut harga dan pendaftaran pembekal akan dikeluarkan untuk tujuan pembayaran.](#) Waktu urusan permohonan serta pertanyaan mengenai sebut harga seperti berikut :

AHAD – RABU : 8.30 Pagi – 4.00 Petang
KHAMIS : 8.30 Pagi – 3.00 Petang

3. Dokumen sebut harga akan diberikan melalui emel setelah bukti pembayaran diterima. **Dokumen sebut harga yang dibeli perlu dicetak dan dibukukan / didokumentasikan bersama dokumen sokongan yang diwajibkan.**

4. Dokumen Sebut harga yang telah disempurnakan hendaklah di masukkan ke dalam sampul surat yang berlakri / bermeteri. Tajuk dan Nombor Sebut Harga hendaklah di nyatakan di muka hadapan sampul surat tersebut dengan terang dan jelas dan di alamatkan kepada **YANG DIPERTUA, MAJLIS PERBANDARAN KUBANG PASU, 06000 JITRA, KEDAH DARUL AMAN** dan dimasukkan terus ke dalam peti tawaran berkenaan di **MAJLIS PERBANDARAN KUBANG PASU** pada atau sebelum jam **12.00** tengahari bertarikh seperti tersebut di ruangan tarikh tutup sebutharga.
5. Jika sebut harga dihantar dengan menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier, penyebut harga hendaklah memastikan sendiri bahawa dokumen tersebut selamat dihantar ke alamat yang telah ditetapkan dan dimasukkan ke dalam peti tawaran sebelum atau pada tarikh tutup sebut harga. MPKP tidak akan bertanggungjawab atas kelewatan penerimaan dokumen syarikat. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.
6. Majlis Perbandaran Kubang Pasu **tidak terikat** untuk menerima tawaran harga yang terendah.



BADRULHISHAM BIN SULAIMAN, AMK.,BCK
YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN KUBANG PASU

Tarikh Iklan : 30 NOV 2023



MAJLIS PERBANDARAN KUBANG PASU
KOMPLEKS PENTADBIRAN DAERAH KUBANG PASU
06000 JITRA, KEDAH DARUL AMAN.

BORANG PERMOHONAN PEMBELIAN DOKUMEN SEBUT HARGA

Nama Syarikat / Individu	
Alamat	
Nama Pegawai Syarikat (seperti dalam sijil)	
No. pendaftaran SSM	
No. Kad Pengenalan	
No. Telefon (P) / Faks	
No. Telefon (HP)	
Email	
Tajuk Sebut Harga	<input type="checkbox"/> Sebut Harga Perkhidmatan Perlindungan Insuran Nyawa Berkelompok (Group Term Life -GTL) dan Kemalangan Diri Berkelompok (Group Personal Accident-GPA) Untuk Majlis Perbandaran Kubang Pasu, Kedah Darul Aman Bagi Tempoh Satu (1) Tahun Mulai 01 Januari 2024 Hingga 31 Disember 2024 MPKP/SH(BP)/12/2023 (RM 30.00) <input type="checkbox"/> Sebut Harga Perkhidmatan Perlindungan Insuran Bangunan, Tanggungan Awam, Kecurian Dan Wang Majlis Perbandaran Kubang Pasu, Kedah Darul Aman Bagi Tempoh Satu (1) Tahun Mulai 01 Januari 2024 Hingga 31 Disember 2024 MPKP/SH(BP)/13/2023 (RM 30.00)

Wajib lampirkan bersama salinan sijil-sijil berikut :

1. Sijil Pendaftaran Syarikat Dari Kementerian Kewangan Malaysia
2. Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Bumiputera Dari Kementerian Kewangan Malaysia (Jika Ada)
3. Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia

❖ Sila kemukakan borang ini berserta Salinan sijil-sijil ke email perolehanmpkubangpasu@gmail.com untuk semakan kelayakan untuk menyertai sebut harga ini.

Tandatangan dan cop syarikat :

Nama :
Tarikh :